

Sinar Harian 4/6/2018 m18 44

Dua bot nelayan tempatan ditahan

KUALA KEDAH - Dua bot nelayan tempatan kelas B1 ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Zon Kuala Kedah di kedudukan 3.5 batu nautika barat daya Kuala Sala awal pagi semalam.

Ketua Zon Maritim Kuala Kedah Leftenan Komander Maritim Ahmad Kamal Mohd Noor berkata, kedua bot terletak berhampiran antara satu sama lain ditahan jam 5.30 pagi oleh kapal peronda Maritim.

Beliau berkata, pihaknya

menahan dua orang tekong bersama tujuh orang awak-awak warga tempatan yang berada di atas kedua-dua bot itu.


"Ketika ditahan, kesemua tekong dan awak-awak bersusia 26 hingga 61 tahun tidak menyedari tindakan mereka diperhatikan penguat kuasa kerana sedang leka menunda

"Kita mengesyaki kedua-dua bot melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (b) atas kesalahan melanggar syarat le-

sen iaitu menangkap ikan kurang 8 batu nautika dari pantai," katanya.

Katanya, Maritim mengambil keterangan tekong dan awak-awak bagi membantu siasatan, sementara bot ditahan dan dibawa ke Jeti Maritim Zon Kuala Kedah untuk tindakan lanjut.

Ahmad Kamal berkata, semua pengusaha bot nelayan dinasihatkan mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat yang telah termaktub dalam Akta Perikanan 1985.



Anggota Maritim mengambil keterangan tekong dan awak-awak.